

# Lawatan Muhyiddin ke Indonesia 'dikawal ketat' pematuhan SOP

PM terima jempunan khas Jokowi, program diringkaskan susulan COVID-19

**Kuala Lumpur:** Lawatan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Indonesia yang dijadual bermula hari ini, 'dikawal ketat' dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pencegahan pandemik COVID-19 bagi mencegah sebarang bentuk penularan.

Wisma Putra dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan program lawatan itu juga diringkaskan dan hanya disertai delegasi kecil yang diwajibkan menjalani ujian COVID-19, selain membabitkan individu yang tidak bergejala dan disahkan negatif 48 jam sebelum berlepas.

"Muhyiddin mendapat jempunan khas untuk mengadakan lawatan rasmi daripada Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) selepas beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada Mac 2020.

"Lawatan ini akan menggunakan pesawat khas kerajaan, bukan pesawat komersial bagi mewujudkan 'travel bubble' ke Indonesia.

"Delegasi Malaysia sekali lagi diwajibkan menjalani ujian sebaik sahaja tiba di lapangan terbang di Jakarta. Hanya individu yang negatif COVID-19 akan dibawa terus ke hotel penginapan," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, delegasi Malaysia tidak dibenarkan

bergerak bersendirian, pergi ke tempat selain tempat rasmi dan hanya dibenarkan berada dalam bilik penginapan selain diwajibkan memakai pelitup muka setiap masa sepanjang berada di tempat rasmi lawatan.

Turut dimaklumkan, tiada sesi berjabat tangan, berpelukan dan bersentuhan sepanjang lawatan rasmi itu berlangsung dan Kerajaan Indonesia memberi jaminan akan menganjurkan lawatan rasmi itu dengan SOP pencegahan COVID-19 yang amat ketat.

Memandangkan pandemik COVID-19 khususnya di Malaysia dan Indonesia masih berlarutan, Wisma Putra berkata, Perdana Menteri sendiri meminta agar lawatan rasmi bagi memenuhi jempunan itu diadakan secara singkat, iaitu kurang daripada 24 jam dan ia sudah dimaklumkan serta diterima baik Kerajaan Indonesia.

Selain itu, Jokowi sendiri juga mengarahkan tempat acara rasmi yang sepatutnya berlangsung di Istana Bogor di Bogor, Jawa Barat dipindahkan ke Istana Merdeka di Jakarta atas sebab kepentingan logistik Muhyiddin dan delegasi rombongan.

"Program lawatan rasmi ini juga diringkaskan. Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bersama beberapa pegawai kanan Kementerian Luar terlebih dahulu akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Indonesia, Puan Yang Terutama Retno Marsudi sebelum lawatan rasmi Perdana Menteri bermula," menurut kenyataan itu.

Dalam kenyataan sama, Wisma Putra menjelaskan lawatan rasmi Muhyiddin bermula pada pa-

gi Jumaat sebelum kedua-dua pemimpin menunaikan solat Jumaat di Masjid Baiturrahim yang terletak di dalam Istana Merdeka, seterusnya ke Jamuan Makan Tengah Hari Rasmi yang akan dihoskan Jokowi.

Selepas jamuan itu, Perdana Menteri bersama delegasi Malaysia akan terus pulang ke tanah air dan seterusnya menjalani kuarantin wajib seperti ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mengenai lawatan itu juga, Wisma Putra memaklumkan, Malaysia memenuhi jempunan berkenaan atas dasar menghormati Indonesia sebagai rakan negara serumpun yang menjalin persahabatan akrab selama berpuluh tahun.

"Terdapat beberapa perkara dan isu yang menyentuh kepentingan kedua-dua negara seperti kerjasama ekonomi, isu keselamatan serantau dan dua hala serta usaha menangani secara bersama pandemik COVID-19 yang memerlukan perbincangan teliti serta kesepakatan.

"Oleh sebab itu, pemimpin tertinggi kedua negara bersetuju mengadakan perbincangan secara bersemuka," menurut kenyataan itu.

Wisma Putra dalam kenyataan berkenaan juga menggariskan beberapa kepentingan lawatan kepada kedua-dua negara berjalan itu, antaranya memperkukuh perancangan bagi bersama-sama memerangi diskriminasi minyak sawit terhadap Malaysia dan Indonesia di peringkat antarabangsa.

Selain itu, lawatan juga penting bagi memperkukuh kerjasama dalam memerangi isu alam sekitar khususnya masalah jerebu rentas sempadan, selain meningkatkan usaha sama dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Ia juga penting bagi meningkatkan rundingan untuk melaksanakan skim Laluan Hijau Timbal Balik atau Reciprocal Green Lane (RGL) di antara kedua-dua negara atas tujuan rasmi serta perniagaan selain berkongsi kaedah dan memperoleh informasi hasil penggunaan vaksin COVID-19 khususnya oleh Indonesia yang sudah memulakan program vaksinasi kepada rakyatnya. -

BERNAMA

**Malaysia memenuhi jempunan itu atas dasar menghormati Indonesia sebagai rakan negara serumpun yang menjalin persahabatan akrab selama berpuluh tahun. Terdapat beberapa perkara dan isu yang menyentuh kepentingan kedua-dua negara seperti kerjasama ekonomi, isu keselamatan serantau dan dua hala serta usaha menangani secara bersama pandemik COVID-19.**

Kenyataan Wisma Putra